

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 [ SELASA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah **Penggerak Komuniti Tempatan** (PeKT) yang telah dilantik bersama dengan gred yang terlibat. Apakah fungsi PeKT yang dilantik dan kos yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan **Penggerak Komuniti Tempatan** (PeKT) akan melibatkan 3 negeri sahaja iaitu Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan yang merangkumi kawasan 46 buah PBT. Sehingga kini, jumlah PeKT yang telah dilantik dari 3 negeri berkenaan adalah seramai 261 orang.
  
2. PeKT dilantik dalam kalangan aktivis–aktivis komuniti setempat yang menjalankan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat. Justeru, PeKT tidak mempunyai gred jawatan tertentu memandangkan ia bukan di bawah klasifikasi perkhidmatan awam.

3. Fungsi-fungsi PeKT seperti berikut:

- 3.1 menyampaikan maklumat kepada penduduk setempat berhubung dasar dan inisiatif di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- 3.2 mewujudkan komuniti yang bersatu padu dan berdaya saing melalui aktiviti-aktiviti kesejahteraan bandar dan seterusnya memperkasakan komuniti dan generasi yang lebih mampan;
- 3.3 memantau dan membantu menggerakkan penglibatan komuniti dalam meningkatkan keharmonian komuniti setempat;
- 3.4 menjalankan kegiatan khidmat nasihat bagi memelihara kebersihan, kesihatan dan alam sekitar di sesebuah komuniti; dan
- 3.5 mendapatkan respon dan maklum balas awal komuniti setempat sebelum sesuatu projek atau program dilaksanakan.

4. Bagi tahun 2020, pelaksanaan program adalah selama empat bulan sahaja iaitu mulai September hingga Disember 2020 yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2,663,020.00.

Sekian, terima kasih.